

Tukang cat miliki 34.51g syabu dipenjara 10 tahun, 10 sebatan

SIBU: Seorang tukang cat dijatuhi hukuman penjara 10 tahun berserta 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah disabitkan bersalah memiliki 34.51 gram syabu dua tahun lepas.

Hakim Musyiri Peet yang menjatuhkan hukuman itu terhadap Voon Uu Long, turut memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh dia ditangkap iaitu 20 Ogos 2025.

“Setelah mendengar keterangan saksi-saksi pembelaan dan setelah membaca hujah daripada Pembelaan dan Timbalan Pendakwa Raya, mahkamah ini memutuskan bahawa Pembelaan telah gagal untuk menyangkal anggapan di bawah Seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

“Sehubungan itu, anggapan tersebut kekal tidak terbantah dan berdiri mementang tertuduh.

“Dengan itu, mahkamah



JALANI HUKUMAN: Voon (kiri) dibawa keluar dari lokap setelah disabitkan bersalah atas pertuduhan memiliki syabu oleh Mahkamah Sesyen Sibu, semalam.

ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan munasabah terhadap tertuduh.

“Tertuduh dengan ini didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan tersebut,” ujarinya ketika membacakan keputusan kes, hari ini.

Setelah mempertimbangkan kes yang telah menjalani perbicaraan penuh sebanyak dua kali, mitigasi, rayuan balas oleh Timbalan Pendakwa Raya, kepentingan awam dan fakta kes, Musyiri menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun berserta 10 sebatan daripada tarikh tangkapan iaitu 20 Ogos 2025.

Mengikut pertuduhan, Voon didakwa memiliki 34.51 gram Methamphetamine pada 4 April 2023, kira-kira jam 2.30 petang di hadapan sebuah rumah di Jalan Medan dan didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 12(2) ADB 1952 dan dihukum di bawah Subseksyen 39A(2)(R) akta yang sama.

Sabit kesalahan di bawah seksyen ini boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau bagi tempoh tidak kurang lima tahun dan juga hukuman sebatan tidak kurang 10 kali sebatan.

Voon yang diwakili peguam Roger Lau dalam rayuan memberitahu perlu menyara ibunya yang berusia 71 tahun, di mana ibunya bergantung sepenuhnya kepadanya untuk keperluan harian, pengangkutan dan perbelanjaan asasnya.

“Hukuman penjara yang panjang akan menyebabkan ibu bapa yang sudah tua tidak mempunyai sokongan sosial atau kewangan yang

bermakna,” ujar Lau yang diwakili oleh Michelle Ling ketika prosiding semalam.

Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth Netto ketika mengemukakan faktor pemberat berkata, tiada kredit atas penyesalan yang sepatutnya diberikan kepada tertuduh dalam kes ini kerana dia tidak mengaku bersalah pada peringkat pertama.

Sebaliknya ujar beliau, tertuduh mengekalkan ketidakbersalahannya dan memohon perbicaraan penuh.

“Seramai lima saksi telah dipanggil dalam perbicaraan ini (empat saksi pendakwaan dan seorang saksi pembelaan).

“Perbicaraan tertuduh bukan sahaja menanggung kos yang besar kepada orang ramai tetapi juga mengambil masa mahkamah yang mulia ini,” ujarinya.

Selain itu katanya, tertuduh juga mempunyai rekod kesalahan lampau sebagaimana yang direkodkan dalam sistem CMS Mahkamah.